

Latihan Ilmiah  
untuk memenuhi syarat keperluan  
bagi Ijazah Sarjana Muda Komunikasi  
dengan Kepujian.

Bahagian Rancangan Komunikasi

Universiti Sains Malaysia

Minden

Pulau Pinang

Isi kandungan	Mukasurat
Kata-Kata Penghargaan .....	i
4.1 : Teknik Kajian .....	65
Bab Satu	
4.1.1 : Mengukur Kuang .....	70
1.1 : Pendahuluan .....	1
4.1.2 : Analisis Teks .....	70
1.2 : Sejarah Suratkhobar .....	2
4.1.3 : 'Attention Score' .....	70
1.3 : Matlamat Kajian .....	3
Nota Kaki .....	4
1.4.1 : Rasional Pemilihan Kajian Kes	5
1.4.2 : Rasional Pemilihan Suratkhobar	7
Nota Kaki .....	10
5.1 : Kajian Mengukur Kuang .....	11
5.2 : Kajian Analisis Isi Kandungan ..	19
Bab Dua	
5.3 : Kajian 'Attention Score' .....	21
2.0 : Berita Dan Suratkhobar .....	12
Nota Kaki .....	12
2.1 : Definisi Berita Di Dalam Konteks	
Persuratkhabaran .....	13
Bab Empat	
2.2 : Berita Dan Jenayah .....	16
6.1 : Keseluruhan Kes Yang Dikaji .....	16
2.3 : Berita Dan Seks .....	24
6.2 : Pendapat Pengkaji Mengenai	
2.4 : Faktor Objektiviti Di Dalam	
Kesimpulan .....	29
Kewartawanan .....	29
6.3 : Cadangan Kepada Masalah .....	30
Nota Kaki .....	45
6.4 : Cadangan Kepada Kajian Lanjutan	
6.5 : Had-had Kajian .....	45
Bab Tiga	
3.1 : Latar Belakang Kes .....	49
3.2 : Nilai Berita Kes Yang Dikaji ...	52
Nota Kaki .....	63

Bab Empat

Lampiran

4.0	: Funca Data .....	64
4.1	: Teknik Kajian .....	65
4.1.1	: Mengukur Ruang .....	65
4.1.2	: Analisis Teks .....	65
4.1.3	: 'Attention Score' .....	66
	Sibliografi .....	67
	Nota Kaki .....	72

Bab Lima

5.1	: Kaedah Mengukur Ruang .....	74
5.2	: Kaedah Analisis Isi Kandungan ..	79
5.3	: Kaedah 'Attention Score' .....	91
	Nota Kaki .....	99

Bab Enam

6.1	: Kesimpulan Kes Yang Dikaji .....	100
6.2	: Pendapat Pengkaji Mengenai Kesimpulan .....	102
6.3	: Cadangan Kepada Masalah .....	103
6.4	: Cadangan Kepada Kajian Lanjutan	104
6.5	: Had-had Kajian .....	105

Lampiran	
Jadual A .....	9
Appendix 1 .....	35
Appendix 2 .....	37
Appendix 3 .....	40
Bibliografi .....	107

Kata-kata penghargaan

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada penyelia saya, Puan Hamidah Abdul Hamid yang selama satu sidang akademik, telah membimbing saya melalui teguran dan nasihatnya.

Terima kasih juga diucapkan kepada Vinu dan Cheng Li di atas pinjaman P.C. mereka.

Kepada Ronald dan Patrick yang telah memberi menolong dengan penuh kerelaan.

Tidak lupa juga kepada semua kakitangan di bahagian komunikasi yang telah menghulurkan bantuan dengan senyuman.

Akhir sekali, kepada kalian yang nama mereka tidak disebutkan tetapi telah menolong saya di dalam menyiapkan latihan ilmiah.

Terima kasih. Bantuan sekalian tetap akan ku kenang.

Kathrina Leh

7 April 1988

TO

MUM AND DAD

SATU KAJIAN KES MENGUKUR OBJEKTIVITI  
BERDASARKAN LIPUTAN BERITA OLEH DUA BUAH  
SURATKHABAR HARIAN MENGENAI KES PERBICARAAN  
SAM SER.

## Bab Satu

### 1.1 : Pendahuluan:

'No where else can one find so miscellaneous, so various, an account of knowledge as contained in a good newspaper'.

-Henry Ward Beecher  
(1813 - 1887)

Sebelum ini, di Amerika, surat-khabar telah menjadi alat komunikasi yang penting. Surat-khabar sebagai penjalin di antara manusia dengan persekitarannya, memainkan peranan penting di dalam membekalkan maklumat kepada manusia mengenai kejadian-kejadian yang telah berlaku, sedang berlaku mahupun akan berlaku di persekitaran yang terdekat atau beribu-ribu batu jauhnya termasuk di angkasa lepas. Secara umumnya, maklumat yang disalurkan ini merupakan pengalaman, pendapat, kenyataan atau keputusan seorang manusia yang diperkongsikan melalui surat-khabar. Perkongsian ini penting memandangkan pengalaman-pengalaman yang dapat dialami oleh seorang manusia adalah terhad. Perkongsian maklumat seumpama ini akan memberi manusia pengetahuan serta memperkayakan lagi kehidupan manusia walaupun dia tidak pernah melalui pengalaman tersebut.

Juga dikatakan surat-khabar mempunyai ciri-ciri sebuah institusi yang dimajukan untuk menyampaikan kejadian harian, mewujudkan perdagangan dan perniagaan melalui pengiklanan, membentuk pendapat umum dan